

Bajet 2023: Perlu peruntuk hampir RM400 bilion

Oleh AHMAD

FADHLULLAH ADNAN

fadhullah.adnan@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan diharap dapat memperuntukkan sekurang-kurangnya RM400 bilion dalam Bajet 2023 yang dijadual dibentangkan di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Norashidah Mohamed Nor berkata, tindakan itu dilihat langkah terbaik dalam usaha negara menuju pemulihan ekonomi.

Namun katanya, timbul kebimbangan sama ada kerajaan mampu memperuntukkan jumlah itu.

“Dalam negara sedang pemulihan ekonomi, bajet perlu lebih banyak daripada tahun lepas.

“Namun, kita harapkan Bajet 2023 kena lihat daripada semua aspek dan semua lapisan masyarakat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Oktober tahun lalu, Bajet 2022 yang bertemakan ‘Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera’ memperun-



PERUSAHAAN kecil dan sederhana perlu dibantu dari segi pemindahan teknologi, bantuan kewangan serta bantuan daripada pakar. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

tukkan sejumlah RM332.1 bilion.

Dr. Norashidah berkata, sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu diberikan tumpuan utama dalam belanjawan kali ini supaya dapat mengukuhkan momentum pemulihan negara.

Beliau berkata, sektor itu perlu diberi tumpuan lebih kerana bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengeluar, tetapi meningkatkan pengeluaran negara.

Dalam pada itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan

Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang berkata, peruntukan kepada sektor pendidikan perlu diberikan keutamaan kepada dua aspek iaitu peningkatan taraf teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan penyelenggaraan sekolah.